

# Kerajaan akan kaji program Astro: PM

BH - 3 MAR 2000

KUALA LUMPUR. Khamis – Kerajaan akan mengkaji sama ada kemasukan program asing yang disiarkan menerusi stesen satelit Astro, mempengaruhi rakyat tempatan atau tidak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu melihat dulu apakah kemasukan program asing yang boleh dipertontonkan oleh rakyat Malaysia itu, memberi kesan buruk atau sebaliknya.

“Kerajaan nak kena kaji, tengok sama ada dia mempengaruhi rakyat Malaysia ataupun tidak,” katanya kepada pembe-

rita selepas merasmikan seminar pengu- rusan Asean anjuran Persekutuan Eko- nomi Kansai (Kankeiren), Jepun di sini, hari ini.

Beberapa tokoh masyarakat, karyawan dan budayawan tempatan mendesak ke- rajaan mengawal kemasukan program asing yang disiarkan oleh Astro.

Mereka bimbang kesan penyiaran program asing itu terhadap perpaduan kaum yang sudah lama dipupuk serta kemungkinan memberi kesan buruk ter- hadap hala tuju serta jati diri bangsa pada masa depan.

Stesen yang mempunyai 29 saluran televisyen untuk kira-kira 3 10,000 pe- langgannya sekarang, menawarkan tiga pakej iaitu pakej dunia, pakej filem dan pakej Dinasti.

Pakej Dinasti khusus menyiarkan prog- ram berbahasa Cina iaitu Astro AEC, TVBS Asia, Phoenix dan Astro Wah Lai Toi di samping saluran berita stesen tem- patan dan hiburan yang turut disiarkan menerusi pakej lain.

Siaran berita TVBS misalnya dipancar- kan dari Hong Kong dan kebanyakan be- ritanya mengenai perkembangan di China

berikutan bekas tanah jajahan itu kini se- bahagian daripada tanah besar.

Tokoh-tokoh masyarakat dan budaya- wan tempatan bimbang sogokan berte- rusan program dan berita mengenai China boleh menyebabkan penonton saluran itu bukan saja tidak lagi mengindahkan per- kembangan dalam negeri, malah terpe- ngaruh dengan pemikiran rakyat negara terbabit.

Mengenai kebimbangan ini, Dr Ma- hathir berkata kerajaan akan mengkaji sejauh manakah perkara itu memberi kesan buruk kepada rakyat tempatan.